

Ruj. kami : MQA.100-1/7/1 (19)

Tarikh : 27 September 2016

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 5/2016

GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT MASSIVE OPEN ONLINE COURSES (MOOC)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah membangunkan Garis Panduan Pindah Kredit *Massive Open Online Courses* (MOOC) sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bagi proses pemindahan kredit terhadap MOOC dengan kursus-kursus dalam program yang ditawarkan.

3. PPT yang hendak memberikan pindah kredit kepada pelajar yang mengikuti MOOC wajib membangunkan prosedur seperti yang ditetapkan di dalam dokumen ini.

4. Proses pindah kredit MOOC ini perlu dibaca bersama dengan Dasar Pindah Kredit sedia ada dan surat Pemakluman Berkenaan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan no. rujukan JPT.S(A)2000/016/015/05(9) bertarikh 19 Ogos 2016 dan JPT/GS 1000-617 Jld. 2(2) bertarikh 19 September 2016.


5. Garis Panduan Pindah Kredit MOOC ini boleh didapati dalam bentuk e-book di laman web MQA, www.mqa.gov.my.

6. Sehubungan itu, pelaksanaan terhadap Garis Panduan Pindah Kredit MOOC ini **berkuat kuasa bermula daripada tarikh surat ini**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Emel : mrujhan@mqa.gov.my

Tel : +603-7968 7002

s.k. :

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR